



PEJABAT KETUA PENGARAH  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN  
MAKANAN (KPKM)  
*Department of Fisheries Malaysia*  
*Ministry of Agriculture and Food Security*  
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62628 PUTRAJAYA

No. Tel : 03 – 8870 4426  
Emel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)  
Laman Web :  
<https://www.dof.gov.my>

## IKAN HIASAN AROWANA BERNILAI TINGGI

10 Jun 2023, Perak – Ikan hiasan adalah ikan yang dipelihara bagi tujuan peliharaan atau perhiasan. Arowana merupakan salah satu ikan hiasan yang sangat popular di Malaysia. Kawasan Bukit Merah, Kerian, Perak merupakan pengeluar ikan hiasan (Kelisa) terbesar di Malaysia. Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), sehingga tahun 2023, sebanyak 96 buah ladang ikan Kelisa telah berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan beroperasi di Bukit Merah dengan keluasan keseluruhan ladang 145 hektar.

Pasaran utama bagi ikan Kelisa yang ditenak di Malaysia adalah Negara China. Dianggarkan lebih 50% dari penghasilan akan dipasarkan atau di eksport ke negara China. Ikan kelisa ini turut dieksport ke Japan, Korea, Sri Lanka, Ireland, Vietnam dan Thailand. Di Malaysia, antara jenis-jenis ikan Kelisa yang dihasilkan adalah Malaysia Gold, Highback, Nami, Silver dan Super Red.

Berdasarkan perangkaan Jabatan Perikanan pada tahun 2022, sebanyak 1,172,544 ekor ikan arowana dikeluarkan dengan jumlah pengeluaran dari Negeri Perak sebanyak 1,108,450 ekor. Negeri lain iaitu Johor menyumbang sebanyak 66,367 ekor, Selangor 21,200 ekor, Pulau Pinang 19,137 ekor, Melaka 2,096 ekor dan Negeri Sembilan 1,565 ekor. Nilai dagangan bagi ikan arowana pada tahun 2022 mencatatkan sebanyak RM87 juta secara keseluruhan. Negeri Perak telah menyumbang sebanyak 72% nilai dagangan bagi ikan arowana negara.

Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato' Adnan bin Hussain memaklumkan, pada tahun 2022, nilai dagangan ikan hiasan seluruh negara mencatatkan sebanyak RM370 juta hasil pengeluaran 245 juta ekor ikan hiasan termasuk arowana. Negeri Perak telah mengeluarkan kira-kira 63 juta ekor ikan hiasan yang menyumbang kepada nilai dagangan sebanyak RM92 juta.

Jabatan juga telah mewujudkan satu Pelan Strategik Pengurusan Perikanan Darat 2021-2025 sebagai panduan untuk pelaksanaan pengurusan perikanan darat di Malaysia termasuklah kawasan santuari. Sehingga kini, 13 buah santuari telah ditubuhkan khusus untuk spesies ikan asli yang terdapat di Malaysia. satu santuari ikan kelisa telah diwujudkan bagi tujuan konservasi dan agropelancongan. Santuari ini dikawalselia oleh Pejabat Perikanan Negeri Perak dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak dan komuniti Perikanan setempat yang bertanggungjawab dalam pengurusan santuari tersebut. Bagi tujuan pengawalan keatas santuari ini, Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai), Perak 1992 adalah terpakai.

Berdasarkan rekod Jabatan, terdapat 10 santuari yang berstatus aktif dan 3 lagi dalam proses pembangunan semula dan pembaikan struktur. Santuari-santuari yang aktif bertempat di Perlis (1), Perak (2), Selangor (1), Johor (1), Pahang (3), Hulu Terengganu, Terengganu dan Pasir Puteh, Kelantan.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my); [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)

